

**SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PELAKSANAAN END-TO-END (E2E)
BAGI URUSAN PEMBANGUNAN TANAH
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WP**

- 1) Apakah yang dimaksudkan dengan *End-to-End* Pembangunan Tanah?**
End-to-End (e2e) Pembangunan Tanah ialah pelaksanaan proses serahan, bayaran dan cetakan sepenuhnya secara dalam talian (*online*).

- 2) Apakah metode pembayaran yang ada dalam pelaksanaan *End-to-End*?**
Metode pembayaran hanya secara *FPX* sahaja.

- 3) Apakah urusan Pembangunan Tanah yang terlibat secara *End-to-End*?**
Urusan Pembangunan Tanah yang terlibat secara *End-to-End* ialah:
 - 1- Permohonan Tukar Syarat, Sekatan atau Kategori Tanah (S124 KTN)
 - 2- Permohonan Serah Balik Dan Berimilik Semula Tanah (S204D KTN)
 - 3- Permohonan Pecah Sempadan Tanah (S137 KTN)
 - 4- Permohonan Pecah Bahagian Tanah (S142 KTN)
 - 5- Permohonan Penyatuan Tanah (S148 KTN)
 - 6- Permohonan Serah Balik Sebahagian Tanah (S200 KTN)
 - 7- Permohonan Serah Balik Seluruh Tanah (S197 KTN)
 - 8- Permohonan Pecah Sempadan, Pemindaan Kategori, Syarat Nyata dan Sekatan Serentak (S124A KTN)

- 4) Adakah urusan boleh dibuat sekiranya tiada akaun pengguna Portal Awam e-Tanah PPTGWP?**
Tidak. Pelanggan perlu mendaftar Akaun Pengguna di Portal Awam eTanah PPTGWP sebelum dapat membuat sebarang urusan pembangunan.
(<https://www.ptgwp.gov.my/portal/awam-landing-page>)

- 5) Bilakah sistem *End-To-End* bagi kesemua urusan baru dapat digunakan?**
Sistem secara *End-To-End* akan mula dilaksana dan dapat digunakan pada 16 Ogos 2022.

6) Bilakah borang permohonan asal dan pelan (dokumen) perlu diserahkan ke Bahagian Pembangunan?

Dokumen tersebut perlu diserahkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bayaran fi permohonan.

7) Dimanakah pelanggan boleh mendapatkan borang permohonan?

Borang permohonan akan dijana oleh Sistem e-Tanah setelah pelanggan melengkapkan permohonan di Portal Awam. Borang ini hendaklah dicetak, dilengkapkan dengan tandatangan dan tarikh dan perlu dimuatnaik ke dalam sistem e-Tanah. Borang yang sama hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pembangunan.

8) Dimanakah pelanggan boleh merujuk senarai semak permohonan?

Senarai semak permohonan boleh dirujuk di Portal PTGWP atau sewaktu pelanggan melengkapkan permohonan melalui Portal Awam.

10)Apakah yang akan berlaku kepada permohonan sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak lengkap?

Pelanggan akan menerima pertanyaan daripada pegawai proses melalui Portal Awam. Maklum balas hendaklah dikemukakan selewatlewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh pertanyaan.

11)Apakah yang akan berlaku kepada permohonan sekiranya pelanggan gagal mengemukakan dokumen yang diperlukan / melengkapkan pertanyaan daripada Bahagian Pembangunan dalam tempoh 7 hari?

Permohonan akan ditolak. Pelanggan perlu mengemukakan permohonan baru.

12)Bilakah permohonan pelanggan akan mula diproses?

Tarikh permohonan lengkap adalah apabila kesemua pertanyaan yang dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan telah diselesaikan oleh pelanggan.

13)Apakah tarikh permohonan lengkap?

Tarikh permohonan lengkap adalah apabila kesemua pertanyaan yang dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan telah diselesaikan oleh pelanggan.

14)Apakah kesilapan yang selalu dilakukan oleh pelanggan sewaktu mengemukakan permohonan?

Pelanggan gagal atau tidak mengemukakan surat kebenaran dengan maklumat yang lengkap daripada pihak berkepentingan seperti pemegang gadaian dan pengkaveat. Surat kebenaran hendaklah menyatakan dengan tepat nombor perserahan yang berkaitan beserta tarikh perserahan.

15)Adakah pelanggan perlu kutip surat tolak di PPTGWP?

Tidak, surat tolak akan dihantar melalui portal awam manakala **surat lulus** dan **notis bayaran** masih perlu dikutip di pejabat tanah.

16)Bagaimanakah pelanggan akan mendapat makluman bahawa surat lulus sudah sedia dikutip?

Pelanggan akan mendapat makluman secara dalam talian di portal awam bahawa surat lulus telah sedia untuk dikutip di pejabat tanah.

17)Adakah permohonan yang belum dibuat bayaran dapat diteruskan dengan *End-To-End* atau perlu dibatalkan seterusnya dibuat permohonan baru?

Untuk meneruskan permohonan sedia ada dengan fungsi *End-To-End* (bayaran dalam talian), terdapat **dua (2)** cara untuk membuat bayaran secara dalam talian:

1- Permohonan yang sudah dijana secara dalam talian tetapi belum dibuat perserahan di kaunter:

Pemohon boleh membuat kemaskini permohonan di portal awam melalui (Menu Status Permohonan) -> klik (Kemaskini Permohonan) dan pilih cara serahan (*ONLINE*) di Tab Dokumen Disertakan.

2- Permohonan di dalam draf:

Pemohon boleh kemaskini permohonan di portal awam melalui Menu Permohonan, klik di (Tab Permohonan) -> klik (Kemaskini Permohonan) dan pilih cara serahan (*ONLINE*) di Tab Dokumen Disertakan.

18) Berapakah jumlah tertinggi bayaran yang dapat dibuat secara dalam talian?

Jumlah tertinggi bayaran yang dapat dibuat secara dalam talian adalah sebanyak RM 1,000,000.

19) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat kemajuan proses kerja bagi sesuatu urusan yang telah dihantar?

Pelanggan akan menerima notifikasi secara emel individu yang didaftarkan di portal dan notifikasi di portal awam atau pelanggan boleh menyemak status permohonan di portal awam.

20) Bagaimanakah pelanggan akan mendapat maklumat berkenaan pertanyaan/*inquiry* oleh pihak PPTGWP?

Pelanggan akan menerima notifikasi secara emel individu yang didaftarkan di portal atau notifikasi di portal awam.

21) Jika pelanggan terlupa untuk cetak resit, bagaimanakah cara pelanggan untuk mendapatkan semula salinan cetakan resit?

Pelanggan boleh mencetak semula resit dengan masuk ke portal awam dan klik di STATUS PERMOHONAN seterusnya klik pada TINDAKAN untuk cetakan semula

22) Bagaimanakah cara pemohon mencetak sijil PKSTUP?

Pemohon boleh mencetak melalui portal awam dengan klik di Tab Status Permohonan, kemudian masukkan ID Permohonan dan klik untuk cetak sijil PKSTUP.

23) Bagaimanakah pemohon mencetak sijil PKSTUP sendiri?

- memadai dengan cetak di atas kertas A4 biasa
- Ada paparan versi cetakan pada bahagian bawah sijil

24) Bagaimanakah cara bayaran kelulusan?

Dua pilihan cara bayaran :

- Bayaran dibuat oleh pemohon di portal awam
- Bayaran melalui kaunter PPTG WP

25) Apakah medium yang digunakan untuk maklumat kepada pemohon selepas tugas Cetakan Surat Lulus , Notis 5A/ Borang 7G?

- Emel pemohon
- Notifikasi pada portal awam untuk maklumkan surat keputusan dan Notis 5A/borang 7G (jika berkaitan) sedia dikutip di pejabat tanah